

Sejarah Institut Perguruan Tinggi Ilmu Al-Qur'an (PTIQ)- Jakarta Dan Sumbangannya Dalam Pengajian Al-Qur'an Di Indonesia

History of the Jakarta Higher Institute of Qur'anic Sciences (PTIQ) and its Contribution to Qur'anic Studies in Indonesia

Nurjanah Achmad¹, Mustaffa Abdullah² & Mohamad Azrien Mohamed Adnan³

Abstrak

Pengajian al-Qur'an di Indonesia mengalami perkembangan yang pesat sejak kedatangan Islam ke Nusantara. Ia terus berkembang sehingga ke peringkat akhir pendidikan formal iaitu institusi pengajian tinggi Islam. Oleh itu, penyelidikan ini bertujuan meneroka sejarah Institut Perguruan Tinggi Ilmu al-Qur'an (PTIQ)-Jakarta yang merupakan institusi terulung dalam bidang al-Qur'an dan sumbangannya dalam pengajian al-Qur'an di Indonesia. Dengan menggunakan pendekatan dokumen analisis, penyelidikan ini mendapati bahawa pengajian al-Qur'an di jabatan Ilmu al-Qur'an dan Tafsir (IAT) di PTIQ memiliki keunikan yang tersendiri. Ia mengekalkan tradisi lama membaca kitab klasik dari para ulama terdahulu tetapi tidak meninggalkan kajian kontemporari. Malah pengajian al-Qur'an yang ditawarkan turut mendapat pengiktirafan serta memberikan pelbagai sumbangan bermakna kepada umat Islam di Indonesia, seperti khidmat masyarakat dan penerbitan karya ilmiah. Walhal, sejak penubuhannya sehingga kini, PTIQ terus bertransformasi menjadi pusat pengajian al-Qur'an berwibawa di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Kata Kunci: Sejarah, Sumbangan, Pengajian al-Qur'an, Institut Perguruan Tinggi Ilmu al-Qur'an (PTIQ) Jakarta.

Abstract

The Quranic studies in Indonesia has been rapidly evolving since Islam arrived in the archipelago. It continues to develop into the final stage of formal education, namely Islamic higher education. Thus, this research aims to explore the history of PTIQ Jakarta Institute which is a leading institution in the field of the Qur'an and its contribution to Quranic studies in Indonesia. Using a document analysis approach, this research found that Quranic studies in department of Qur'anic Studies and Tafsir (IAT) at PTIQ has its own uniqueness. It maintains the old tradition of reading classical literature from earlier scholars but also does not abandon contemporary studies. In fact, the Quranic studies which offered has also received recognition as well as providing various meaningful contributions to Muslims community in Indonesia, such as community service and publication of scholarly works. However, since its establishment until now, PTIQ has continued to transform into an authoritative centre for Qur'anic studies at national and international levels.

¹ Calon Ijazah Kedoktoran Falsafah (PhD) di Jabatan Al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603, Malaysia. ummuayyas.na@gmail.com

² Professor di Jabatan Al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603, Malaysia. mustaffa@um.edu.my

³ Pensyarah Kanan di Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603, Malaysia. mdazrien@um.edu.my

Keywords: History, Contribution, Quranic Studies, PTIQ Jakarta Institute.

Sejarah Ringkas Pengajian al-Qur'an di Indonesia

Sejak penyebaran Islam ke Indonesia, pengajian al-Qur'an merupakan pengajian terawal kerana ia tidak terpisah daripada ajaran al-Qur'an.⁴ Adapun pendekatannya adalah membaca al-Qur'an secara keseluruhan. Membaca disini bererti melafazkan kerana dalam fasa ini belum diberikan pengajaran isi kandungan al-Qur'an. Setelah asas pengajian al-Qur'an selesai maka dilanjutkan dengan pelajaran yang mendalam iaitu pengajian kitab. Secara amnya pengajian kitab ini berbeza dengan pengajian al-Qur'an pada peringkat awal. Langkah awal pengajian kitab ini ialah mempelajari bahasa Arab dan sasteranya yang bertujuan untuk memudahkan dalam memahami kandungan al-Qur'an, hadith, fekah, tasawuf, sejarah Islam dan sebagainya. Selain itu, turut digunapakai juga sistem hafazan yang mewajibkan subjek-subjek tertentu untuk dihafaz.⁵

Pengajian seperti ini terus berkembang untuk beberapa kurun dalam pelbagai ilmu yang tidak terpisah daripada pengajian al-Qur'an, sama ada secara individu di rumah mahupun di surau secara berjemaah. Pada masa inilah terlihat pelopor bagi penubuhan pondok pesantren.⁶ Pondok pesantren tidak lain adalah suatu institusi pendidikan Islam tertua dan asli produk Indonesia yang mengajarkan, mengembangkan dan menyebarkan agama Islam. Seiring perjalanan waktu, semakin banyak pondok pesantren yang melakukan pembaharuan demi mengukuhkan kedudukannya dan untuk menghadapi cabaran zaman dan keperluan masyarakat.⁷

Dalam sistem pondok pesantren, pengajian al-Qur'an al-Qur'an merupakan salah satu daripada mata pelajaran yang diajar di samping mata pelajaran fiqh, tauhid, hadith, nahu, balaghah, al-Qur'an, tajwid dan tasawuf.⁸ Pengajian al-Qur'an pada institusi ini lebih bersifat klasik dan tradisional, manakala sumber rujukan mahupun metode yang digunakan mengikuti kaedah yang digunakan oleh ulama terdahulu. Proses pengajaran dan pendidikan lebih banyak dilakukan dalam bentuk sehala.⁹

⁴ Bersamaan dengan itu, kitab suci al-Qur'an diperkenalkan oleh juru dakwah kepada penduduk pribumi di Nusantara. Berdasarkan perspektif sejarah, mengaji al-Qur'an merupakan asas dalam pendidikan Islam yang julung kali diperkenalkan di Nusantara khususnya di Tanah Melayu yang dapat dikesan dengan kemunculan tokoh tafsir terawal Nusantara iaitu Sheikh Abdul Rauf al-Fansuri al-Singkeli (1615-1693M), (2011). *Tarjuman al-Mustafid*. Mustaffa Abdullah, *Khazanah Tafsir di Nusantara*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, H. 1.

⁵ Mahmud Junus, (1984). *Sejarah Pendidikan Islam*, Jakarta: Hidakarya Agung, Jakarta H. 39.

⁶ Soegarda Poerbakawatja menjelaskan bahawa pesantren berasal dari kata santri, iaitu seorang yang belajar agama Islam. Dengan demikian pesantren mempunyai erti tempat orang berkumpul untuk belajar agama Islam. Manakala Manfred Ziamek menyebutkan bahawa asal etimologi perkataan pesantren adalah pe-santri-an, bererti tempat santri. Undang Achjadilaga dan Abdullah Yusof, (2018). Peranan Persatuan Islam (Persis) Bandung dalam Pelaksanaan Pendidikan Islam, *Journal al-Muqaddimah* Jil. 6 Bil.1, H. 4.

⁷ Abdul Matin bin Salman, (2017). Revitalisasi Pesantren Sebagai Agen Pengembangan Sumber Daya Pelajar PTKIN, *Maharot Journal of Islamic Education* Jil. 1 Bil. 1, H. 1.

⁸ Mastuhu, (1994) *Dinamika Sistem Pendidikan Pesantren: Suatu Kajian Tentang Unsur dan Nilai Sistem Pendidikan Pesantren*, Jakarta: INIS, H. 59.

⁹ Metode pendidikan di pondok pesantren memiliki tiga metode iaitu (1) *Sorogan* yang sering disebut sebagai metode individual, iaitu di mana seorang murid mendatangi *kyai*-nya yang akan membacakan kitab-kitab berbahasa Arab dan menterjemahkannya ke dalam bahasa daerah. Seterusnya murid tersebut mengulangi dan menterjemahkan kata demi kata seperti apa yang diucapkan oleh *kyai*-nya. Lihat, Nurcholish Madjid, (1997). *Bilik-Bilik Pesantren: Sebuah Potret Perjalanan*, Jakarta: Paramadina, Jil.18 Bil. 2 *Bandongan* atau *Wetonan*

Di pondok pesantren, seorang guru memainkan peranan penting dalam menentukan jenis ilmu yang akan disampaikan serta jenis kitab yang akan diajar. Penentuan terhadap tahap pengajian banyak bergantung pada keupayaan dan ketekunan para pelajar serta boleh dikesan melalui jenis kitab yang dipelajari.¹⁰ Pada pengajian tafsir al-Qur'an, kitab-kitab turath tetap dijadikan rujukan utama seperti *Tafsir Jalalayn*,¹¹ *Tafsir al-Maraghi*¹² dan *Tafsir Ibn Kathir*¹³ yang merupakan tafsir al-Qur'an yang paling popular.¹⁴ Kitab *Sahih al-Bukhari*,¹⁵ *Sahih Muslim*,¹⁶ *al-Arba'ain*¹⁷ dan *al-Minhaj*¹⁸ karya Imam Nawawi¹⁹ juga telah digunakan sebagai sumber primer dalam bidang hadis. Menurut Peter Riddell,²⁰ karya-karya yang dikemukakan di atas mendapat tempat di alam Melayu.

Selain pondok, sistem pendidikan di Indonesia ada juga yang berada di bawah bimbingan Kementerian Agama Republik Indonesia, iaitu sekolah berasaskan pendidikan Islam yang disebut sebagai madrasah. Sistem pendidikan madrasah adalah sistem pendidikan Islam yang lebih terarah, di mana mata pelajaran pendidikan agama lebih banyak dan menjadi satu mata

yang sering disebut dengan metode kolektif, iaitu sekelompok pelajar di antara 5 hingga 500 orang pelajar mendengar seorang guru yang membaca, menterjemahkan, menerangkan dan mengulas buku-buku Islam dalam Bahasa Arab. Lihat, Mukti Ali H.A, (1987). *Beberapa Persoalan Agama Dewasa Ini*, Jakarta: Rajawali Press, Jil.19 Bil. 3 Metode Hafazan, ianya juga menduduki peranan terpenting dalam dunia pendidikan pondok (pesantren). Subjek-subjek tertentu diwajibkan ke atas para pelajar untuk dihafaz seperti al-Qur'an, al-Hadith, Fekah, dan lain-lain. Haidar Putra Daulay, (2001). *Historisitas dan Eksistensi Pesantren*, Yogyakarta: Tiara Wacana Yogya, H. 11.

¹⁰ Zamakhsary Dhofier menyatakan bahawa terdapat lima komponen mendasar dalam Pesantren, iaitu pondok (asrama), masjid, pelajar (siswa), kitab kuning (pengajaran kitab Islam klasik), kyai (guru). *Kyai* merupakan pemimpin pondok pesantren yang dipanggil dengan pelbagai gelaran iaitu *Kyai* bagi sebutan yang khas di Pulau Jawa, Mudir, Abuya, Abah Pengasuh dan sebagainya. *Kyai* di pondok pesantren merupakan tonggak utama perjalanan sesebuah pondok pesantren. *Kyai* juga mempunyai kuasa besar di dalam hal ehwal berkaitan dengan pembelajaran (kurikulum) dan peraturan-peraturan di dalam pondok (pesantren). Baca, Marwan Saridjo et al., (1980). *Sejarah Pondok Pesantren di Indonesia*. Jakarta: Darma Bakhti, H. 64.

¹¹ *Tafsir Jalalayn* adalah tafsir karya Imam Jalal al-Din Muhammad al-Mahalli. Beliau tidak sempat menyiapkan kitab tafsir ini kerana meninggal dunia pada tahun 84 H. Usaha pentafsiran tersebut diteruskan oleh Imam Jalal al-Din al-Suyuti sehingga tamat, iaitu dari surah al-Baqarah hingga surah al-Isra'. Baca Muhammad Husayn al-Dhahabi., (1989) *Tafsir wa al-Mufasssirun*. Qaherah: Maktabah Wahbah, H. 315.

¹² *Tafsir al-Maraghi* adalah sebuah karya yang dihasilkan oleh Sheikh Mustafa al-Maraghi (1881-1945), mantan Sheikh al-Azhar. Beliau adalah rakan seperjuangan *Muhammad Rashid Rida* dan pernah menjadi murid kepada Muhammad 'Abduh. Beliau banyak terpengaruh dengan aliran tajdid yang dibawa oleh Muhammad 'Abduh. Semasa menjadi Sheikh al-Azhar, beliau melakukan beberapa pembaharuan kepada sistem pengajian Universiti al-Azhar. Kitab *Tafsir al-Maraghi* adalah karya tafsirnya yang terbesar mengandungi 30 juzuk. *Ibid.*, 563.

¹³ *Tafsir al-Qur'an al-'Azim* hasil karya Imam 'Imad al-Din Abu al-Fida' Isma'il ibn Kathir. *Ibid.*

¹⁴ Syamsuddin Arief, (2007). *Jaringan Pesantren di Sulawesi Selatan 1928-2005*, Jakarta: Tesis Kedoktoran Falsafah Agama Islam, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, H. 171.

¹⁵ Kitab ini karya terbesar dalam bidang hadis ditulis oleh al-Imam al-Hafiz Abi 'Abd Allah Muhammad ibn Isma'il ibn Ibrahim al-Bukhari (194 - 252 H)

¹⁶ Pengarangnya ialah al-Imam Abi al-Husayn Muslim ibn al-Hajjaj Ibn Muslim al-Qushayri al-Naysaburi (204 - 261 H).

¹⁷ Sebuah kitab yang sangat masyhur di seluruh pelosok dunia Islam, dipelajari, dihafaz, diterjemahkan dan dihuraikan oleh tokoh-tokoh ulama selepasnya dari perbagai bangsa dan negara. Walaupun kitab ini berukuran kecil, tetapi kandungan yang terkandung di dalamnya sangat tajam, kerana hadis-hadis yang ada di dalamnya merupakan kaedah atau prinsip-prinsip besar dalam Islam, seperti peranan niat dalam Islam, rukun Iman, Islam, hari kiamat, suratan takdir, perkara halal haram, meninggalkan perkara meragukan, tawakal, taubat, penyakit hati, berakhlak mulia dan lain sebagainya.

¹⁸ Sebuah kitab yang tidak asing lagi bagi dunia Islam khusus di kalangan pengikut Imam Syafi'i. Kitab inilah yang membawa Imam Nawawi dikenal sebagai tokoh ulama mazhab Syafi'i.

¹⁹ Beliau adalah Abu Zakariyya, manakala *laqab*-nya Muhyi al-Din. Lihat, Abu 'Abd Allah Shams al-Din ibn Muhammad al-Dhahabi, (t.t). *Tadhkirah al-Huffaz*, juzuk 4, Beirut: Dar Ihya' al-'Arabi, H. 1470.

²⁰ Petter Riddell, (2001). *Islam and the Malay Indonesian World*. Singapore: Horizon Books, H. 139-146.

pelajaran yang penting berbanding mata pelajaran am. Bagaimanapun, pengajian al-Qur'an secara khas diajarkan dalam masa dua jam dalam seminggu.²¹ Adapun metode yang digunakan belum mampu memberikan ruang bagi para pelajar untuk berfikir dengan lebih bebas. Dengan perkataan lain, pelajar tidak diperkenalkan dengan pemikiran-pemikiran tafsir konseptual yang lebih rasional. Seakan-akan tafsiran yang sedia ada tanpa *reserve* sehingga tafsiran yang diberikan oleh guru adalah terikat dengan satu-satunya pemahaman ayat-ayat al-Qur'an. Namun di Madrasah Aliyah Program Khusus (MAPK), kurikulum lebih didominasi (*takhassus*) oleh muatan keagamaan. Pengajian al-Qur'an di MAPK telah diajarkan dari tingkatan satu sehingga tingkatan tiga dalam masa enam jam seminggu.²²

Sistem pengajian seperti ini masih berlaku di seluruh pondok pesantren dan madrasah di Indonesia sehingga kini. Jadi apabila pemikiran tafsir tidak berkembang dalam kalangan pondok pesantren dan madrasah hal itu adalah suatu yang harus diterima secara logik dari suatu metode pengajian al-Qur'an. Berbeza ianya ketika pelajar memasuki pengajian tinggi sebagai peringkat akhir pengajian Islam di Indonesia. Wacana pemikiran lebih berkembang dan menyerlah terhadap pengajian al-Qur'an yang diberikan. Tujuan pengajaran ditekankan pada melahirkan generasi baharu dan tenaga ahli. Ertinya, setelah tamat pengajian, para graduan diharapkan dapat mandiri untuk mengembangkan ilmu yang diperoleh. Oleh itu, para pelajar yang bakal graduasi harus menguasai dengan baik bidang pengajian yang diceburi.

Di peringkat institusi pengajian tinggi Islam, kurikulum dan silibus pengajian al-Qur'an tampak ada sedikit perubahan daripada yang telah ditetapkan pada peringkat madrasah dan pondok pesantren. Pengajian al-Qur'an pada peringkat ini lebih banyak ke arah pengembangan pemikiran. Dalam sistem pengajian al-Qur'an seperti itu, jelas bahawa pemahamannya tidak mungkin merujuk kepada sesebuah buku sahaja, tetapi harus disokong oleh pelbagai rujukan yang berkaitan.

Secara amnya, metode dan sistem pengajian al-Qur'an di pengajian tinggi Islam di Indonesia merupakan satu kesatuan yang utuh tidak boleh dipisahkan. Namun metode dan sistem ini boleh berbeza kerana sistem pengajian ibarat wadah bagi suatu aktiviti pengajian sedangkan metode merupakan pengisian terhadap wadah tersebut dalam bentuk nyata seperti pola-pola, tahap-tahap mesti ditetapkan dalam mengajarkan suatu subjek pelajaran termasuk pengajian al-Qur'an.²³

Demikian sekilas pandang sketsa pensejarahan pengajian al-Qur'an di Indonesia. Selanjutnya, secara lengkap menyelidik akan membincangkan pengajian al-Qur'an di institusi pengajian tinggi Islam di Indonesia dengan mengambil sampel di Institut Perguruan Tinggi Ilmu al-Qur'an (PTIQ) di Jakarta. PTIQ mempunyai rekod sebagai institusi terulung dan berwibawa dalam bidang ilmu al-Qur'an di Indonesia. Seterusnya juga penyelidik akan membincangkan sumbangan PTIQ dalam pengajian al-Qur'an di Indonesia.

Sejarah Institut Perguruan Tinggi Ilmu al-Qur'an (PTIQ)

²¹ Departemen Agama Republik Indonesia, (1997). *Pedoman Pelaksanaan Kurikulum Madrasah Aliyah*, Jakarta: Direktorat Jendral Pembinaan Kelembagaan Agama Islam.

²² Departemen Agama Republik Indonesia, (1995) *Garis-Garis Besar Program Pengajaran Mata Pelajaran Quran Hadith*, Jakarta: Direktorat Jendral Pembinaan Kelembagaan Agama Islam, H. 2-3.

²³ Nasruddin Baidan, (2003) *Perkembangan Tafsir al-Qur'an di Indonesia*, Solo: Tiga Serangkai Pustaka Mandiri, H. 98.

Institut Perguruan Tinggi Ilmu al-Qur'an (PTIQ) adalah perguruan tinggi Islam pertama yang secara khusus menghafaz dan mempelajari al-Qur'an. Dua tahun setelah PTIQ berdiri, Universiti Islam Madinah, Arab Saudi, membuka fakulti khusus ilmu al Qur'an dan PTIQ berperanan sebagai inspiratornya.²⁴ Sudah setengah abad lebih PTIQ ditubuhkan, iaitu pada 1 April 1971. Pengasasnya adalah Yayasan Ihya Ulumudin yang dikelola KH. Mohammad Dahlan (Menteri Agama 1967-1971), Prof. KH. Ibrahim Hosen, LML dan KH. Ahmad Zaini Miftach (Imam Besar Masjid Istiqlal).²⁵ Namun, pada 12 Mei 1973 pengelola Institut ini diserahkan kepada Yayasan Pendidikan al-Qur'an yang ditubuhkan oleh Letjen (Purn.) DR. Hj. Ibnu Sutowo. Kini, yayasan itu diteruskan oleh salah seorang putera Ibnu Sutowo iaitu Hj. Ponso Susilo Nugroho.²⁶

Penubuhan PTIQ dilatarbelakangi kesedaran semakin langkanya ulama ahli al-Qur'an (terutamanya para hafiz), sementara keperluan masyarakat Indonesia akan ulama yang ahli dalam bidang al-Qur'an sangat mendesak. Terlebih lagi sejak Musabaqah Tilawatil Qur'an (MTQ) Nasional I di Makassar pada bulan Ramadan tahun 1968 menjadi jadwal rutin.²⁷ Keberadaan para ulama ahli al-Qur'an ini sangat terasa, sehingga tak kurang Presiden Republik Indonesia, Soeharto dalam amanatnya pada MTQ Nasional III di Banjarmasin mengingatkan bahawa pentingnya meningkatkan penghayatan dan pemahaman kitab suci al-Qur'an sebagai panduan hidup manusia.²⁸

Sejak ditubuhkan, institusi pendidikan yang bertempat di Jalan Batan ½ (dahulu Batan 1/63) Pasar Jumat, Lebak Bulus, Jakarta Selatan ini, secara berturut-turut dipimpin dan ditadbir oleh ulama-ulama besar Indonesia. Mereka adalah KH. Mohammad Dahlan, Prof. KH. Ibrahim Hosen, LML, Letjen (Purn.) DR. Hj. Ibnu Sutowo, KH. Syukri Ghazali, Prof. KH. Zainal Abidin Ahmad, Prof. Dr. KH. Bustami A. Ghani, Prof. Dr. KH. Chatibul Umam dan kini Prof. Dr. Hj. Nasaruddin Umar, M.A.²⁹

Peranan pemimpin PTIQ adalah kritikal dalam menentukan halatuju, merangka strategi serta menggembelng sumber secara bijak untuk mencapai matlamat organisasi. Kepimpinan yang berkesan mampu mencetuskan inspirasi serta memenangi hati dan fikiran warga organisasi untuk membuat anjakan paradigma dan perubahan minda bagi melihat keadaan semasa dengan perspektif baharu. Kepimpinan PTIQ juga amat penting dalam menggerakkan inisiatif baharu, meningkatkan kreativiti dan inovasi, menyuburkan budaya ilmu serta menggalakkan warga organisasi mencabar status quo.

PTIQ pada awalnya hanya memiliki dua fakulti, iaitu Syariah dan Usuluddin. Nama PTIQ juga mengalami beberapa perubahan seiring dengan peraturan perguruan tinggi yang ada. Nama PTIQ pernah berubah menjadi Institut Studi Ilmu al-Qur'an (ISIQ). Namun, untuk mengembalikan nama besar PTIQ, maka kemudian nama itu berubah menjadi Institut Perguruan Tinggi Ilmu al-Qur'an (IPTIQ). Hal tersebut diperlukan untuk meningkatkan imej serta membentuk budaya kerja baharu yang berteraskan profesionalisme, tadbir urus yang baik dan bersedia melakukan perubahan untuk memastikan kewujudannya sentiasa relevan dengan tuntutan masa dan persekitaran. Dari perubahan itu, kini PTIQ telah memiliki empat fakulti iaitu Syariah, Usuluddin, Dakwah, dan Tarbiyah.

²⁴ Anon, (t.t). "Sejarah PTIQ," <https://ptiq.ac.id/sejarah>.

²⁵ Anon, (t.t). "Institut PTIQ Jakarta," https://id.wikipedia.org/wiki/Institut_PTIQ_Jakarta#Sejarah.

²⁶ Anon, (t.t). "Sejarah PTIQ," <https://ptiq.ac.id/sejarah>.

²⁷ *Ibid.*

²⁸ *Ibid.*

²⁹ Anon, (t.t). "Sejarah PTIQ," <https://ptiq.ac.id/sejarah>.

Fakulti Syariah mempunyai dua jabatan iaitu al-Akhwāl al-Syakhsyah dan Ekonomi Syariah. Fakulti Tarbiyah juga mempunyai dua jabatan iaitu Pendidikan Agama Islam dan Pendidikan Islam Anak Usia Dini. Fakulti Dakwah pun sama mempunyai dua jabatan iaitu Komunikasi dan Penyiaran Islam dan Pengurusan Dakwah. Sementara, Fakulti Ushuluddin sahaja yang mempunyai satu jabatan iaitu Ilmu al-Qur'an dan Tafsir (IAT).³⁰

Sebagai usaha untuk menampung minat alumni PTIQ yang ingin mengikuti pengajian lebih lanjut, serta melihat perkembangan keperluan masyarakat akan institusi yang mampu melahirkan pakar dalam ilmu agama, maka PTIQ telah membuka Program Pascasarjana Ilmu Agama Islam. Dalam masa yang sama, PTIQ juga membuka Program Pascasarjana Ilmu Agama Islam dengan bidang kajian atau konsentrasi Ilmu Tafsir (IT). Hal ini disebabkan PTIQ mempunyai ciri-ciri responsif dan peka dengan kehendak pelanggan, mempamerkan imej yang bersih, membudayakan ilmu serta mengutamakan prestasi. Tambahan lagi, pengurusan PTIQ yang gemilang berpaksikan kepada profesionalisme yang tinggi di dalam memberi perkhidmatan kepada pelajar, maka PTIQ juga telah diizinkan membuka program Pascasarjana S3 (doktoral) untuk jabatan Ilmu al-Qur'an dan Tafsir (IAT).

Pengajian al-Qur'an di PTIQ

Kurikulum pengajian al-Qur'an di jabatan Ilmu al-Qur'an dan Tafsir (IAT) mengalami perkembangan yang sangat rancak setelah terpisah daripada jabatan Ilmu Hadith.³¹ Ianya memiliki kekhasan, mempertahankan tradisi lama dalam pembacaan literatur klasik dari para ulama terdahulu namun juga tidak meninggalkan kajian komtemporer. Tambahan lagi, dalam bidang tafsir al-Qur'an, ianya juga bersumber dari kitab-kitab induk sehingga kepada tafsir yang bersifat kemasyarakatan. Hal ini dapat dibuktikan daripada Borang Akreditasi Jabatan IAT PTIQ tahun 2019. Dalam buku tersebut dinyatakan bahawa jabatan IAT PTIQ merujuk kepada kurikulum terbaru yakni *Kerangka Kualifikasi Nasional Indonesia (KKNI)*. Berikut ini adalah senarai kursus-kursus ilmu al-Qur'an di jabatan IAT PTIQ.

Jadual 1. Senarai Kursus Ilmu al-Qur'an Jabatan Ilmu al-Qur'an dan Tafsir (IAT) Institut Perguruan Tinggi Ilmu al-Qur'an (PTIQ) Jakarta

NO	NAMA KURSUS	SKS	HURAIAN
1	Ilmu Tajwid dan Tahsin al-Qur'an	2	Membincangkan teori-teori tajwid dan penerapannya agar pelajar dapat membaca al-Qur'an dengan baik dan benar
2	Nagham al-Qur'an	2	Mengulas secara singkat tentang pengertian naghām dan sejarah perkembangannya. Pelajar akan diajarkan teknik vokal suara dan banyak melakukan praktik membaca al-Qur'an dengan <i>maqam-maqam</i>
3	'Ulum al-Qur'an	2	Membekali pelajar dengan keilmuan yang dibutuhkan dalam mengkaji al-Qur'an semisal <i>makkiyah-madaniyyah</i> , <i>qasam fi al-Qur'an</i> , <i>'am wa khas</i> , <i>mantuq wa mafhum</i> , <i>jadal</i> , <i>nasikh wa Mansukh</i> , <i>munasabat ayat</i> dan sebagainya

³⁰ Anon, (t.t). "Profil Fakultas Ushuluddin," https://ushuluddin.ptiq.ac.id/tentang_fakultas.

³¹ Sejak tahun 2015 seiring adanya regulasi perkembangan di Kementerian Agama Republik Indonesia dan terkait adanya perubahan nomenklatur keilmuan di Kementerian Agama, berdasarkan Surat Keputusan Direktur Jenderal Pendidikan Islam No. 4979 tahun 2014 tarikh 5 September 2014, jabatan Tafsir Hadith dipecah menjadi dua iaitu Ilmu al-Qur'an dan Tafsir (IAT) dan Ilmu Hadis (ILHA).

4	Ilmu Qira'at	4	Memberi pengetahuan dasar tentang bacaan al-Qur'an berdasarkan kaedah-kaedah <i>qira'ah sab'ah</i> baik kaedah <i>usuliyyah</i> mahupun <i>farsy al-huruf</i>
5	Rasm Uthmani	2	Memaparkan kaedah penyelidikan mushaf al-Qur'an menurut rasm Uthmani
6	Tahfidz al-Qur'an	16	Mewajibkan pelajar memiliki hafazan al-Qur'an sama ada sepenuh 30 juz mahupun terbatas surah-surah pilihan
7	Gharibul Ayat	2	Mengajarkan bacaan-bacaan unik dalam al-Qur'an semisal <i>imalah</i> , <i>isymam</i> dan <i>tashil</i>
8	Ilmu Tafsir	2	Membahas perangkat-perangkat keilmuan yang dibutuhkan dalam penafsiran seperti <i>makkiyah-madaniyyah</i> , <i>ta'wil</i> dan sebagainya
9	Kaedah Tafsir	2	Mengulas kaedah-kaedah am yang digunakan dalam pentafsiran seperti <i>ma'rifah-nakirah</i> , <i>musytarak</i> dan <i>sifat-mausuf</i>
10	Metode dan Pendekatan dalam Penafsiran	2	Mengajarkan metode dan pendekatan yang ada diluar konteks keilmuan tafsir dan menggunakannya dalam penafsiran al-Qur'an sehingga pelajar dapat menghasilkan tafsir yang baru. Beberapa pendekatan tersebut misalnya sejarah, kebahasaan, <i>content analysis</i> dan sosiologis di dalam menafsirkan ayat yang biasanya menggunakan metode <i>bil ma'thur</i>
11	Dasar-Dasar Penerjemahan al-Qur'an dan Hadis	2	Memaparkan cara dan Teknik dalam penerjemahan teks berbahasa Arab khususnya al-Qur'an dan hadith semisal penerjemahan kata per kata, semantik, dan lain-lain
12	Metode Pengajaran al-Qur'an	2	Membekali pelajar dengan pengetahuan tentang silibus, kurikulum, cara menentukan materi, metode mengajar dan sebagainya
13	Diskursus Kontemporer Al-Qur'an dan Hadith	2	Membahas wacana kritis kontemporer yang disampaikan orientalis seputar al-Qur'an dan hadith
14	Living al-Qur'an dan Sunnah	2	Membahas pengamalan al-Qur'an dan hadith yang terlembagakan dalam tradisi masyarakat, juga relasi antara agama dan budaya yang boleh memberikan solusi terhadap konflik masyarakat
15	Tafsir Tahlili Juz 1-5	2	Merupakan studi kitab tafsir klasik. Menerusi mata kuliah ini pelajar akan membaca kitab tafsir dan menerapkan teori-teori penafsiran secara tahlili pada juz 1 hingga juz 5
16	Tafsir Tahlili Juz 6-10	2	Lanjutan membaca kitab tafsir dan menerapkan teori-teori penafsiran secara tahlili pada juz 6 hingga juz 10
17	Tafsir Tahlili Juz 11-15	2	Lanjutan membaca kitab tafsir dan menerapkan teori-teori penafsiran secara tahlili pada juz 11 hingga juz 15
18	Tafsir Tahlili Juz 16-20	2	Lanjutan membaca kitab tafsir dan menerapkan teori-teori penafsiran secara tahlili pada juz 16 hingga juz 20
19	Tafsir Tahlili Juz 21-25	2	Lanjutan membaca kitab tafsir dan menerapkan teori-teori penafsiran secara tahlili pada juz 21 hingga juz 25
20	Tafsir Tahlili Juz 26-30	2	Lanjutan membaca kitab tafsir dan menerapkan teori-teori penafsiran secara tahlili pada juz 26 hingga juz 30
21	Tafsir Mawdui Akidah	2	Praktikum penafsiran dengan pendekatan tematik. Ayat-ayat tentang keimanan, eskatologis (akhirat) dikumpulkan lalu dianalisis
22	Tafsir Mawdui Ibadah	2	Praktikum penafsiran dengan pendekatan tematik. Ayat-ayat tentang ibadah (bersuci, salat, infaq, puasa, haji, dan lain-lain) dikumpulkan lalu dianalisis
23	Tafsir Mawdui Ijtima'i	2	Praktikum penafsiran dengan pendekatan tematik. Ayat-ayat tentang sosial politik, kepemimpinan,

History of the Jakarta Higher Institute of Qur'anic Sciences (PTIQ) and its Contribution to Qur'anic Studies in Indonesia

			gender, lingkungan dan sebagainya dikumpulkan lalu dianalisis
24	Tafsir Mawdui Ahkam	2	Praktikum penafsiran dengan pendekatan tematik. Ayat-ayat tentang hukum pernikahan, 25 perzinahan, jilbab dan lain-lain dikumpulkan lalu dianalisis
25	Tafsir Mawdui Tarbawi	2	Praktikum penafsiran dengan pendekatan tematik. Ayat-ayat tentang pendidikan (keutamaan belajar, etika belajar, dan lain-lain) dikumpulkan lalu dianalisis
26	Tafsir Ilmi	2	Praktikum penafsiran dengan pendekatan tematik. Ayat-ayat tentang sains (relasi agama dan sains, kealaman, bintang, antariksa, dan lain-lain) dikumpulkan lalu dianalisis
27	Tafsir Muqarran	2	Praktikum penafsiran dengan pendekatan komparasi
28	Wacana Tafsir Kontemporer	2	Mengenalkan wacana-wacana kontemporer seputar tafsir
29	Ilmu Qira'at Lanjutan	2	Memberi pengetahuan lanjutan tentang bacaan al-Qur'an berdasarkan kaedah-kaedah <i>qira'ah sab'ah</i> baik kaedah <i>usuliyah</i> mahupun <i>farsy al-huruf</i>
30	Studi Naskah Tafsir	2	Memberikan pengetahuan seputar cara membaca, menerjemahkan dan menafsirkan al-Qur'an. Pelajar mengkaji relevansi ayat dengan pendapat mufassir, tema ayat, penjelasan hadith atas ayat.
31	Mazahib Tafsir	2	Mengajarkan mazhab dalam penafsiran dengan berdasarkan tempat (Mekah, Madinah dan Iraq), sekte teologi (Sunni, Syi'i dan Mu'tazili), disiplin ilmu (fiqhi, sufi, ilmi, falsafi), organisasi masyarakat (NU, Muhammadiyah) dan preferensi sikap (moderat, fundamentalis, liberal)
32	Pengenalan Kitab Tafsir Klasik	2	Mengenalkan kitab-kitab tafsir klasik dengan mengulas seputar metode, corak, karakteristik dan biografi penyelidikannya.
33	Pengenalan Kitab Tafsir Kontemporer	2	Mengenalkan kitab-kitab tafsir yang ditulis di masa kontemporer dengan mengulas seputar metode, corak, karakteristik dan biografi penyelidikannya.
34	Sabab Nuzul al-Qur'an	2	Membahas latar belakang turunnya sebuah ayat al-Qur'an.
35	Balaghah al-Qur'an	2	Membahas sisi sastra dan keindahan ayat-ayat al-Qur'an.
36	Mutasyabih al-Qur'an	2	Membahas hal-hal yang dibaca secara keliru oleh orang awam terkait bacaan al-Qur'an dan tafsirnya.
37	Kajian Mushaf al-Qur'an	2	Membahas perkembangan mushaf al-Qur'an secara kronologis, serta hal-hal terkait penyelidikan dan percetakan mushaf seperti manuskrip, litografi, iluminasi, kertas mushaf, layout, dan tanda waqaf.
38	Sejarah dan Perkembangan Tafsir di Indonesia	2	Mengulas dan mengapresiasi mufassir Indonesia dan karya-karyanya.
39	Tafsir Nusantara/Sejarah Pemikiran Tafsir di Indonesia	2	Membahas tema-tema yang dikaji dalam literatur tafsir yng ditulis oleh mufassir nusantara.
40	Manajemen MTQ	2	Memberikan wawasan tentang bagaimana cara menyelenggarakan MTQ (Musabaqah Tilawatil Quran). Serta tips-tips untuk menang dalam MTQ.
41	Al-Dakhil fi al-Qur'an	2	Membahas susunan yang ada dalam tafsir, utamanya terkait <i>israiliyat</i> .
42	Maqasid al-Qur'an dan Sunnah	2	Menjelaskan tujuan fundamental dan ideal yang ada dalam ajaran Al-Quran dan hadith, yaitu menjaga lima kepentingan utama (<i>Maqashid syariah</i>): Agama, akal,

			nyawa, harta dan keberlangsungan hidup manusia (keturunan).
43	Hermeneutika/Falsafah Ta'wil	2	Mengenalkan model tafsiran hermeneutika dimulai dari definisinya, cara kerjanya, sejarah perkembangannya dan kontekstualisasi ajaran al-Qur'an.
44	KKN/Praktik Mengajar al-Qur'an	2	Merupakan penerapan dari pengetahuan dan keahlian yang telah dipelajari. Program ini merupakan sebuah pengabdian kepada masyarakat dengan mengajar mereka al-Qur'an dan tafsir

Sumber: Borang Akreditasi Jabatan IAT PTIQ tahun 2019

Jika dilihat daripada senarai kursus-kursus tersebut, perbincangan pengajian al-Qur'an disajikan secara menyeluruh, mula dari kajian klasik sehingga kajian kontemporari. Beban kredit yang diberikan setiap mata pelajaran adalah 2 SKS (Sistem Kredit Semester). Jumlah keseluruhan kredit yang disediakan cukup banyak dan bervariasi kerana ingin melahirkan graduan yang punya asas ilmu al-Qur'an.

Secara amnya, pengajian al-Qur'an di PTIQ dibezakan dalam dua kategori iaitu Pengajian Ilmu al-Qur'an dan Pengajian Ilmu Tafsir. Subjek-subjek dalam kedua kategori tersebut bersifat teori, namun di akhir semester pelajar dilatih menulis ulasan tafsir atau karya tentang tafsir.

Kursus '*Ulum al-Qur'an*' merupakan salah satu ilmu yang mutlak diperlukan dalam mentafsirkan al-Qur'an. Deskripsi kursus ini iaitu '*Ulum al-Qur'an* dan perkembangannya, sejarah turunnya al-Qur'an, *asbab al-Nuzul*, *munasabah ayat*, *al-Makki dan al-Madani*, *al-Muhkam dan al-Mutashabih*, *qira'at al-Qur'an*, *i'jaz al-Qur'an*, tafsir, ta'wil dan penterjemahan. Hal ini menunjukkan bahawa kursus tersebut merupakan asas bagi setiap pelajar untuk mengharungi peringkat selanjutnya. Selain '*Ulum al-Qur'an*', ditawarkan pula kajian ilmu-ilmu al-Qur'an lainnya seperti Maqasid al-Qur'an dan Sunnah, Tafsir di Indonesia, *al-Dakhil fi al-Tafsir*, Dasar-Dasar Penterjemahan al-Qur'an dan Hadis dan sebagainya.

Malah jabatan IAT PTIQ mempunyai kekhasan dan keunggulan berupa kajian ilmu al-Quran (*Rasm*, *Qira'at*, *Nagham*) dan kajian tafsir klasik (*turath*). Kursus *Tafsir Tahlili* misalnya, dipelajari sehingga enam semester. Bermula dari juz pertama al-Qur'an sehingga juz ketiga puluh. Selanjutnya, perkara lain yang tampak daripada kurikulum silibus di PTIQ, iaitu pada masa kini sudah tidak lagi menggunakan pendekatan klasik sahaja. Terdapat pendekatan lain yang digunapakai seperti *Hermeneutika* dan *Living al-Qur'an dan Sunnah* yang termasuk dalam pengembangan subjek di jabatan IAT.

Di kampus PTIQ, *Hermeneutika*³² sudah lama wujud dalam kurikulum silibus dengan nama kursus *Hermeneutika/Falsafah Ta'wil*. Selain itu, terdapat juga kursus lain yang membincangkan tema ini seperti kursus *Diskursus Kontemporari al-Qur'an dan Hadith*, iaitu membahas wacana kritis kontemporari yang disampaikan orientalis berkaitan al-Qur'an dan

³² *Hermeneutika* secara etimologi diambil dari Bahasa Yunani "*Hermenuin*" yang bererti tafsir dan penjelasan serta penterjemahan. Dalam terminologi, *Hermeneutika* adalah ilmu yang digunakan dalam rangka mencari pemahaman teks secara umum. Selain itu, *Hermeneutika* fokus membahas dengan serius berkenaan hubungan antara pentafsir dengan teks. Baca, Fahmi Salim., (2012). *Kritik Terhadap Studi al-Qur'an Kaum Liberal*, Jakarta: Perspektif, H. 52.

hadith dan kursus *Wacana Tafsir Kontemporari* yang mengenalkan wacana kontemporari berkaitan tafsir.

Selain *Hermeneutika*, kursus lain yang diperkenalkan adalah *Living al-Qur'an dan Sunnah* sebagai pendekatan baharu dalam pengajian al-Qur'an dan hadith kontemporari dengan perspektif kajian sosial.³³ Sebagai pendekatan baharu, kursus *Living al-Qur'an dan Sunnah* masih mencari bentuk untuk dapat dijadikan sebagaimana acuan. Adanya kursus *Living al-Qur'an dan Sunnah* dianggap menjadi penyeimbang antara teks dan konteks dalam bidang pengajian al-Qur'an dan hadith agar tidak statik tetapi terus berjalan dan dinamik.³⁴

Walhal, penyelidik mempunyai pandangan bahawa pengembangan sebuah kursus penting untuk dilakukan kerana merupakan penambahbaikan bagi suatu perancangan pelajaran. Perkara ini secara tidak langsung selaras dengan pandangan Hamdiah³⁵ dan Elok Noor Farida dan Kusri³⁶ bahawa pendekatan Barat dalam kajian Islam juga perlu dipelajari untuk menambah khazanah keilmuan dan dapat memberikan pengetahuan baharu terhadap bagaimana memahami teks serta pentafsiran terhadap teks yang akan diteliti.

Bagaimanapun, adanya penggunaan pendekatan Barat, pensyarah dan pelajar tetap wajib merujuk kitab-kitab muktabar ulama klasik. Komitmen untuk menggunakan sumber utama rujukan kitab Arab merupakan hal yang paling mustahak dalam setiap proses pengajaran dan pembelajaran dalam bidang pengajian al-Qur'an. Justeru, sikap pensyarah dan pelajar perlu sentiasa responsif terhadap perkembangan zaman dengan pelbagai isu yang mengelilinginya. Oleh itu, pendedahan kajian dari luar tradisi Islam di PTAI ini perlu diawasi dengan cermat. Berlebihan dalam mempelajarinya banyak menyebabkan pelajar terpesong jauh. Justeru, ianya mesti dilakukan penilaian sama ada dilaksanakan secara terhad atau meluas untuk terus bertahan dan bersaing di mana ledakan era globalisasi terdengar di setiap penjuru masyarakat.

Walhal, sejak ditubuhkan sehingga ke hari ini, PTIQ telah memberi imej positif kepada pelbagai pihak. Malah pengajian al-Qur'an yang ditawarkan jabatan IAT telah mendapat pengiktirafan serta memberikan pelbagai sumbangan yang bermakna kepada umat Islam di Indonesia, seperti khidmat masyarakat dan penerbitan karya ilmiah.

Pelajar dan Graduan PTIQ sebagai Pengabdian Masyarakat

Khidmat kepada masyarakat merupakan bentuk nyata sumbangan pelajar dan graduan PTIQ terhadap kesejahteraan masyarakat. Ilmu dan ajaran agama tidak sekedar dibincangkan di kelas, namun juga diimplementasikan dalam bentuk khidmat masyarakat, sama ada yang sifatnya berkumpulan mahupun secara bersendirian dengan skop yang lebih spesifik dan relevan dengan bidang keahlian. Hal ini sebagaimana mandat daripada salah satu *Tri Dharma Perguruan Tinggi*³⁷ yakni untuk membumikan bakti ke masyarakat. PTIQ diharapkan melakukan pelayanan masyarakat untuk ikut mempercepat proses peningkatan kesejahteraan

³³ Ahmad Farhan. (2017). "Living al-Qur'an sebagai Metode Alternatif dalam Studi Islam," *El-Afkar*, Jil. 6, Bil. 2, H. 90-92.

³⁴ Afriadi Putra dan Muhammad Yasir, (2018) "Kajian al-Qur'an di Indonesia: dari Studi Teks ke Living Qur'an" dalam *Majalah Ilmu Pengetahuan dan Pemikiran Keagamaan Tajdid* Jil. 21 Bil. 2, H. 18-20.

³⁵ Hamdiah, (2015) "Re-mapping Pendidikan 'Ulum Al-Qur'an di Perguruan Tinggi Agama Islam (PTAI)," *Jurnal Ilmiah Islam Futura* Jil. 15 Bil. 1, H. 40-53.

³⁶ Elok Noor Farida dan Kusri, (2013) "Studi Islam Pendekatan Hermeneutik," *Jurnal Penelitian* Jil. 7 Bil. 2, H. 381-403.

³⁷ *Tri Dharma Perguruan Tinggi* iaitu pendidikan, penelitian dan pengabdian kepada masyarakat. Baca, Anon, (t.t) "Pengabdian Masyarakat," https://id.wikipedia.org/wiki/Pengabdian_masyarakat.

dan kemajuan masyarakat. Melalui pengabdian pada masyarakat ini, PTIQ juga akan memperoleh *feedback* dari masyarakat tentang tingkat kemajuan dan relevansi ilmu yang dikembangkan oleh pengajian tinggi tersebut.³⁸

Justeru, untuk meningkatkan kualiti khidmat, setiap tahun Jabatan IAT mengadakan pembekalan yang diisi oleh para praktisi dakwah dan lembaga sosial semisal ACT (Aksi Cepat Tanggap).³⁹ Malah sekarang jabatan IAT PTIQ mempunyai desa binaan di Kepulauan Seribu (Pulau Panggang dan Pulau Pramuka) dan beberapa daerah lain di sekitaran Jakarta.

Di sisi lain, khidmat kepada masyarakat boleh dilihat secara khusus daripada graduan yang dilahirkan oleh jabatan IAT PTIQ. Analisis penyelidik menerusi Buku Borang Akreditasi jabatan IAT PTIQ mencatatkan graduan IAT mempunyai kelayakan sebagai pengabdian masyarakat sebagaimana jadual 2 berikut:

Jadual 2. Kelayakan Graduan Pelajar Ilmu al-Qur'an dan Tafsir (IAT) di PTIQ

NO	KELAYAKAN GRADUAN	DESKRIPSI
1	Pengamal al-Qur'an dan Tafsir	-Menjadi mufassir awwal -Qari baik murattal mahupun mujawwad -Guru bidang pengajian Ilmu al-Qur'an dan tafsir -Kaligrafi -Muballigh yang profesional dengan mengintegrasikan keilmuan yang sudah ada di zaman klasik dan yang berkembang di zaman moden
2	Peneliti bidang al-Qur'an dan Tafsir	-Menjadi peneliti bidang al-Qur'an dan tafsir yang mampu merumuskan konsep dasar pengembangan ilmu dalam bidang al-Qur'an dan tafsir dengan mengoptimumkan penerapan konsep integrasi keilmuan secara komprehensif dan professional
3	Penulis bidang al-Qur'an dan Tafsir	-Penulis buku terkait al-Qur'an dan Tafsir -Penterjemah teks dan literatur Arab khususnya kitab Tafsir
4	Umum	-Pegawai (kakitangan) di Kementerian Agama -Pegawai (kakitangan) di Lembaga Sosial Keagamaan

Sumber: analisis penyelidik terhadap Borang Akreditasi Jabatan IAT PTIQ tahun 2019

Jadual 2 di atas memperlihatkan kelayakan graduan IAT PTIQ yang boleh disebut sebagai *ahl al-Qur'an*. Graduan IAT PTIQ pada asasnya mampu membaca al-Qur'an dengan baik sesuai *standard* tajwid yang berkualiti dan hafaz al-Qur'an. Ianya juga telah mengenal dan menguasai ilmu-ilmu dasar untuk memahami dan mentafsirkan al-Qur'an dengan baik dan benar serta boleh membaca kitab tafsir dengan baik, kritis dan analitis. Justeru, wujudnya

³⁸ Mujahidah dan Ismail Suardi Wekke, "Transformasi Perguruan Tinggi Keagamaan Islam Indonesia," dalam *Seminar Nasional Kepemimpinan Transformatif Forum Penserah Indonesia DPD Papua Barat & Pasca Sarjana STAIN Sorong* (Sorong: 26 Mei 2019).

³⁹ Pada 21 April 2005, Aksi Cepat Tanggap (ACT) secara rasmi diluncurkan secara hukum sebagai yayasan yang bergerak di bidang sosial dan kemanusiaan. Sejak tahun 2012 ACT mentransformasi dirinya menjadi sebuah lembaga kemanusiaan global, dengan jangkauan aktiviti yang lebih luas. Pada skala lokal, ACT mengembangkan jejaring ke semua provinsi sama ada dalam bentuk jaringan relawan dalam wadah MRI (Masyarakat Relawan Indonesia) mahupun dalam bentuk jaringan kantor cabang ACT. Jangkauan aktiviti program sekarang sudah sampai ke 30 provinsi dan 100 kabupaten/kota di seluruh Indonesia. Laman sesawang ACT, diakses 1 Jan 2022, <https://act.id/tentang/sejarah>.

pengaduan kepada masyarakat dapat dibuktikan dengan terlibatnya graduan IAT PTIQ dalam aktiviti atau program berteraskan al-Qur'an kepada masyarakat, misalnya penyuluh agama (da'i dan muballigh), guru di lembaga pendidikan formal dan tidak formal, imam masjid, qari/qari'ah dan sebagainya.

Karya Ilmiah sebagai Alat Penyampaian Ilmu al-Qur'an.

Penghasilan karya ilmiah oleh ahli akademik ialah satu wadah penting ke arah menyampaikan ilmu pengetahuan baru kepada masyarakat disamping ia menjadi bahan rujukan buat generasi akan datang. Dari aspek pencapaian akademik pula, penghasilan karya tulis merupakan suatu penanda aras keupayaan akademik seseorang penyelidik dalam bidangnya.⁴⁰ Selain itu, ilmu pengetahuan dan pengalaman yang didokumentasikan dan dibukukan dalam bentuk karya akan menjadi pemangkin kepada aktiviti penulisan dalam penerbitan karya akademik seterusnya.⁴¹ Ia juga menjadi platform kepada semua maklumat sama ada dalam bidang ekonomi, kebudayaan, kesihatan, pemakanan, alam sekitar dan sosial.

Bagaimanapun, salah satu kelemahan pada sebahagian institusi pengajian tinggi di Indonesia adalah rendahnya karya ilmiah dan inovasi.⁴² Padahal salah satu perangkat penting daripada sebuah institusi pengajian tinggi adalah penyelidikan. Hasil-hasil penyelidikan masih banyak tersimpan dengan di perpustakaan. Padahal hasil-hasil penyelidikan merupakan maklumat keilmuan dan akademik yang berharga. Hasil penyelidikan juga merupakan *row material* yang diharapkan menghasilkan temuan-temuan baharu ilmu pengetahuan dan inovasi kebudayaan kemudian dihidangkan dan dikonsumsi oleh pengguna di tingkat praktisi.

Justeru, penyelidikan keagamaan (*researches of religion*) di institusi pengajian tinggi Islam mesti berusaha untuk mengembangkan pelbagai dimensi keilmuan agama, agar agama tidak dianggap sebagai formula abstrak tentang kepercayaan dan nilai, tetapi perlu dihargai sebagai realiti simbolik yang penuh makna.⁴³ Oleh itu, model penyelidikan di institusi pengajian tinggi Islam mesti lebih banyak, tidak terbatas pada kajian bidang kepakaran, tetapi harus sudah menembusi pada ilmu-ilmu sosial, sains dan kemanusiaan yang tetap dilandasi dengan ajaran-ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah.

Sebenarnya, aktiviti penyelidikan dan penerbitan hasil kajian ilmiah yang diadakan di PTIQ telah bermula sejak institusi ini ditubuhkan. Hal ini kerana sebuah karya ilmiah menjadi syarat mutlak pelajar menerima gelar akademik. Jabatan IAT PTIQ telah banyak memproduksi temuan menarik menerusi Skripsi (Sarjana Muda), Tesis (Sarjana) dan Disertasi (Doktor Falsafah) serta karya ilmiah (jurnal). Kesemuanya merupakan alat ukur untuk mengetahui pencapaian penulisan karya ilmiah yang telah dihasilkan oleh PTIQ. Ada puluhan karya pelajar yang telah dicetak dalam bentuk buku. Karya ilmiah pelajar dan pensyarah ditampilkan secara online (*repository*) agar boleh dibaca oleh siapa pun. Sebahagian karya tersebut dipresentasikan dalam seminar nasional dan ada yang dibukukan oleh penerbit bereputasi. Hal ini selaras

⁴⁰ Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid dan Ainul Mardiah Ahmad Jihadi, (2016) "Pola Penerbitan Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff dalam Bidang al-Quran: Kajian Biobibliometrik," *Jurnal al-Tamaddun* Jil. 11 Bil. 2, H. 49.

⁴¹ Aswany Omar, (2007, Mei 14) "Karya Ilmiah Wadah Ilmu Masyarakat," *Sinar Harian*, 14 May 2007.

⁴² Inaya Rakhmani & Fajri Siregar, (2016). "Mereformasi Penelitian di Indonesia: Kebijakan dan Praktik," *Working Paper* 92 (2016), iv.

⁴³ Agus Maimun, (2006). "Penelitian Pendidikan Agama & Keagamaan di PTAI: Studi Deskriptif Kawasan Penelitian Dosen STAIN Jawa Timur," *El-Qudwah* 10, H. 2.

dengan pandangan Lilik Ummi Katsum⁴⁴ bahawa tidak sedikit hasil penelitian di institusi pengajian tinggi Islam diterbitkan dan menjadi rujukan perkuliahan pengajian al-Qur'an.

Bagaimanapun, PTIQ tetap berusaha sedaya upaya untuk meningkatkan dan menambahbaik penerbitan jurnal ilmiah bagi penghasilan pensyarah dan graduan berkualiti. Pihak institusi juga telah menjalankan pemantauan pencapaian terhadap polisi dan objektif kualiti secara berkala, menyediakan sumber-sumber yang mencukupi, membuat perancangan, pengawalan, pemeriksaan dan penyeliaan terhadap penerbitan dalam bidang pengajian al-Qur'an.

Dengan demikian, diharapkan ahli akademik daripada setiap institusi pengajian tinggi Islam tidak boleh ketinggalan dalam melahirkan pemikiran-pemikiran baharu tentang pengajian al-Qur'an melalui penyelidikan berterusan.⁴⁵ Menerusi pendekatan kritis, para komuniti aktivis pengajian al-Qur'an di dalam mahupun luar kampus akan melahirkan penemuan-penemuan terkini sehingga pengajian al-Qur'an akan menjadi salah satu kajian yang banyak diminati sama ada oleh kalangan ahli akademik di institusi pengajian tinggi mahupun di kalangan masyarakat am.

Dari apa yang telah dibincangkan di atas, nyata memperlihatkan bahawa menulis karya ilmiah dan menghasilkan penerbitan adalah satu kayu ukur dalam dunia akademik. Seorang pensyarah tidak seharusnya lemah walaupun sibuk dengan tugas pentadbiran atau khidmat sosial. Itu kerana penulisan karya ilmiah adalah suatu yang sebatian dengan gelaran ilmu.

Dalam pada itu, penulisan karya ilmiah juga merupakan bentuk tanggung jawab dan rasa sayang terhadap generasi penerus Qurani. Apatah lagi berhubungkait dengan pendedahan kajian kontemporari yang perlu diawasi dengan cermat. Jika orang yang tidak layak dan berpengetahuan yang mendalam dalam sesuatu bidang akan menulis dan mengisi kelompongan ilmu dalam kalangan masyarakat, maka pastinya kesilapan dan kesalahan fakta atau teori akan berleluasa berbanding ilmu yang benar. Oleh itu, tulisan-tulisan terkini berkaitan pengajian al-Qur'an perlu dirancakkan sekuat mungkin untuk mengembalikan daripada belenggu penjajahan pemikiran kafir, liberal dan juga taklid buta. Dengan demikian, ahli akademik harus mempunyai sikap tanggungjawab secara ilmiah bagi mengelakkan penyalahgunaan garis panduan ilmu al-Qur'an yang telah dirintis ulama bidang ini.

Ekoran daripada aktifnya budaya penyelidikan dan pembangunan inovasi dalam pengajian al-Quran, perlu diwujudkan umpamanya menubuhkan Pusat Kajian Ilmu Wahyu, Sains dan Isu-Isu Semasa serta mewujudkan jawatan fellow khas bagi mengendalikan kajian-kajian berkaitan. Hasil-hasil kajian yang dilakukan oleh pusat kajian ini akan dibentangkan melalui seminar, kolokium, simposium, dialog dan seumpamanya. Hasil penyelidikan yang dilakukan dapat membantu dalam pembangunan kurikulum pengajian al-Qur'an yang lebih komprehensif.

Justeru, kekompakan para penggiat pengajian al-Qur'an di Indonesia telah mewujudkan sebuah *association* yang bernama AIAT iaitu Asosiasi Ilmu al-Qur'an dan Tafsir (AIAT) yakni rumah bersama untuk mengabdikan diri untuk kemajuan bersama, perkembangan keilmuan

⁴⁴ Lilik Ummi Kaltsum, et al., (2011). *Peta Kajian al-Qur'an di PTAI 2005-2012: Analisa Terhadap Perkembangan Disertasi UIN Jakarta, UIN Yogyakarta dan IAIN Surabaya*, Lembaga Penelitian UINSyarif Hidayatullah Jakarta, H.1.

⁴⁵ M. Endy Saputro, (2011). "Alternatif Tren Studi Qur'an di Indonesia," *Jurnal al-Tahrir* Jil. 11, Bil. 1, H. 1-27.

dalam bidang al-Qur'an dan Tafsir dan peningkatan peradaban di Negara Kesatuan Republik Indonesia (NKRI).⁴⁶

Oleh itu, pembentukan ekosistem keilmuan merupakan langkah yang perlu dijadikan sebagai agenda sebuah institusi pengajian tinggi. PTIQ sebagai institusi al-Qur'an telah pun terlibat secara aktif di dalam penganjuran seminar dalam dan luar negara yang berkaitan dengan al-Qur'an. Di samping itu juga untuk membantu merancang prospek yang lebih baik kepada graduan IAT.⁴⁷ Dengan demikian, adanya wadah keilmuan akan memudahkan pimpinan dan warga kampus untuk mengkristalisasi budaya akademik.⁴⁸

Kesimpulan

PTIQ sebagai peneraju institusi al-Qur'an terulung di Indonesia mempunyai keunikan serta ciri khas dalam bidang ilmu-ilmu al-Qur'an. Susulan itu, ia menghasilkan imej positif sehingga melahirkan sumbangan yang bermakna untuk umat Islam di Indonesia.

Sumbangan pertama adalah wujudnya khidmat kepada masyarakat yang bertujuan membantu masyarakat tertentu dalam beberapa aktiviti tanpa mengharapkan imbalan dalam bentuk apapun. Bentuk khidmat masyarakat dapat dilihat daripada pelajar dan graduan yang dilahirkan oleh jabatan IAT PTIQ, seperti mengadakan pembekalan yang diisi oleh para praktisi dakwah dan NGO, pelatihan menjadi muballigh (da'i), pelatihan qari/qari'ah dan sebagainya.

Adapun penerbitan karya ilmiah merupakan wujud sumbangan terbaik terhadap pengajian al-Qur'an di Indonesia. Ia perlu dirancakkan sebagai bentuk tanggung jawab kepada generasi penerus Qur'ani untuk keluar daripada belenggu pemikiran kafir, taklid buta dan liberal.

Rujukan

- Abdul Matin bin Salman. (2017). "Revitalisasi Pesantren Sebagai Agen Pengembangan Sumber Daya Pelajar PTKIN," *Maharot Journal of Islamic Education*, Jil. 1 Bil. 1, 1-21
- Abu 'Abd Allah Shams al-Din ibn Muhammad al-Dhahabi. (t.t) *Tadhkirat al-Huffaz*, (juzuk 4). Beirut: Dar Ihya' al-'Arabi
- Afriadi Putra dan Muhammad Yasir. (2018). "Kajian al-Qur'an di Indonesia: dari Studi Teks ke Living Qur'an," *Majalah Ilmu Pengetahuan dan Pemikiran Keagamaan Tajdid* Jil. 21 Bil. 2, 13-22
- Agus Maimun. (2006). "Penelitian Pendidikan Agama & Keagamaan di PTAI: Studi Deskriptif Kawasan Penelitian Dosen STAIN Jawa Timur," *El-Qudwah* Vol. 10
- Ahmad Farhan. (2017). "Living al-Qur'an sebagai Metode Alternatif dalam Studi Islam," *El-Afkar* Jil. 6, Bil. 2, 88-96
- Aminuddin Kasdi. (1997) *Kepurbakalaan: Sunan Giri Sosok Akulturasi Kebudayaan Pada Abad 15-16*, Surabaya: IAIN Sunan Ampel.
- Aswany Omar. (2007, 14 Mei) "Karya Ilmiah Wadah Ilmu Masyarakat," *Sinar Harian*,. Borang Akreditasi Jabatan Ilmu al-Qur'an dan Tafsir (IAT) PTIQ Tahun 2019.

⁴⁶ Dr. Phil Sahiron Syamsuddin, (2022). "Sejarah Pendirian" <https://aiat.or.id/history>.

⁴⁷ Borang Akreditasi Jabatan IAT PTIQ Tahun 2019.

⁴⁸ Mulyono dan Ismail Suardi Wekke, (2018). "Academic and Culture Development Strategy Management for Islamic Higher Education in Indonesian," dalam *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science* 175. 1 IOP Publishing, 012163.

- Departemen Agama Republik Indonesia. (1995) *Garis-Garis Besar Program Pengajaran Mata Pelajaran Quran Hadith*, Jakarta: Direktorat Jendral Pembinaan Kelembagaan Agama Islam.
- _____, (1997) *Pedoman Pelaksanaan Kurikulum Madrasah Aliyah*, Jakarta: Direktorat Jendral Pembinaan Kelembagaan Agama Islam.
- Elok Noor Farida dan Kusri. (2013) “Studi Islam Pendekatan Hermeneutik,” *Jurnal Penelitian* Jil. 7, Bil. 2. 381-404
- Fahmi Salim. (2012) *Kritik Terhadap Studi al-Qur’an Kaum Liberal*, Jakarta: Perspektif.
- Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid dan Ainul Mardiah Ahmad Jihadi. (2016) “Pola Penerbitan Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff dalam Bidang al-Quran: Kajian Biobibliometrik,” *Jurnal al-Tamaddun* Jil. 11. Bil. 2. 67- 77
- H. Kafrawi. (1978), *Pembaharuan Sistem Pendidikan Pesantren*, Jakarta: Cemara Indah.
- Haidar Putra Daulay. (2001), *Historisitas dan Eksistensi Pesantren*, Yogyakarta: Tiara Wacana Yogya.
- Hamdiah. (2015) “Re-mapping Pendidikan ‘Ulum Al-Qur’an di Perguruan Tinggi Agama Islam (PTAI),” *Jurnal Ilmiah Islam Futura* Jil. 15. Bil. 1. 40-54
- Inaya Rakhmani dan Fajri Siregar, (2016) “Mereformasi Penelitian di Indonesia: Kebijakan dan Praktik,” *Working Paper* Bil. 92. 1-86
- Anon, (t.t). “Sejarah PTIQ,” <https://ptiq.ac.id/sejarah>.
- Laman sesawang AIAT, diakses 1 Jan 2022, <https://aiat.or.id/history>.
- Laman sesawang PTIQ, diakses 13 Jun 2018, <https://pascasarjana-ptiq.ac.id/profil/read/5-sejarah>.
- Anon, (t.t). “Profil Fakultas Ushuluddin,” https://ushuluddin.ptiq.ac.id/tentang_fakultas.
- Anon, (t.t) “Pengabdian Masyarakat,” https://id.wikipedia.org/wiki/Pengabdian_masyarakat.
- Anon, (t.t). “Institut PTIQ Jakarta,” https://id.wikipedia.org/wiki/Institut_PTIQ_Jakarta#Sejarah.
- Lilik Umami Kaltsum, et al. (2011) “*Peta Kajian al-Qur’an di PTAI 2005-2012: Analisa Terhadap Perkembangan Disertasi UIN Jakarta, UIN Yogyakarta dan IAIN Surabaya*,” Lembaga Penelitian UIN Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Mahmud Junus. (1984) *Sejarah Pendidikan Islam*. Jakarta: Hidakarya Agung.
- Marwan Saridjo et al. (1980) *Sejarah Pondok Pesantren di Indonesia*. Jakarta: Darma Bakhti.
- Mastuhu. (1994) *Dinamika Sistem Pendidikan Pesantren: Suatu Kajian Tentang Unsur dan Nilai Sistem Pendidikan Pesantren*. Jakarta: INIS.
- M. Endy Saputro. (2011), “Alternatif Tren Studi Qur’an di Indonesia,” *Jurnal al-Tahrir* Jil. 11. Bil. 1. 1-17
- Muhammad Husayn al-Dhahabi. (1989) *Tafsir wa al-Mufasssirun*. Qaherah: Maktabah Wahbah.
- Mujahidah & Ismail Suardi Wekke. (2019, Mei) “Transformasi Perguruan Tinggi Keagamaan Islam Indonesia,” dalam *Seminar Nasional Kepemimpinan Transformatif Forum Penserah Indonesia DPD Papua Barat & Pasca Sarjana STAIN Sorong*, Sorong, Indonesia
- Mukti Ali H.A. (1987), *Beberapa Persoalan Agama Dewasa Ini*. Jakarta: Rajawali Press.
- Mulyono dan Ismail Suardi Wekke. (2018) “Academic and Culture Development Strategy Management for Islamic Higher Education in Indonesian,” dalam *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science* Jil. 175. Bil. 1.
- _____. (2018) “Religious and Academic Cultural in Technology Development on Islamic Higher Education of Indonesia,” *International Journal of Pure and Applied Mathematics* (2018).
- Mustaffa Abdullah. (2011) *Khazanah Tafsir di Nusantara*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

History of the Jakarta Higher Institute of Qur'anic Sciences (PTIQ) and its Contribution to Qur'anic Studies in Indonesia

- Nashruddin Baidan. (2003) *Perkembangan Tafsir al-Qur'an di Indonesia*. Solo: Tiga Serangkai Pustaka Mandiri.
- Nurcholish Madjid. (1997), *Bilik-Bilik Pesantren: Sebuah Potret Perjalanan*. Jakarta: Paramadina.
- Petter Riddell. (2001), *Islam and the Malay Indonesian World*. Singapore: Horizon Books.
- Syamsuddin Arief. (2007), *Jaringan Pesantren di Sulawesi Selatan 1928-2005*. Jakarta: Tesis Kedokteran Falsafah Agama Islam, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah.
- Undang Achjadilaga dan Abdullah Yusof. (2018) "Peranan Persatuan Islam (Persis) Bandung dalam Pelaksanaan Pendidikan Islam," *Journal al-Muqaddimah*, Jil. 6. Bil. 1. 1-15